

KESALAHAN LELAKI BERLAGAK SEPERTI PEREMPUAN: KEBERKESANAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DI JOHOR

(Culpability of Male Acting as Female: Effectiveness of the Criminal Syariah Law of Johore)

Mohd. Afzul Hakim Ibakarim
afizulhakim@gmail.com

Nasrul Hisyam Nor Muhamad
nasrulhisyamm@gmail.com

Fakulti Tamadun Islam,
Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak

Makalah ini membincangkan definisi lelaki berlagak seperti perempuan menurut perspektif Islam, dan larangan perbuatan tersebut berdasarkan al-Quran dan hadis, serta bentuk hukuman yang dikenakan di bawah peruntukan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997. Metodologi kajian menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Hasil kajian mendapati terdapat larangan dalam hukum syarak terhadap lelaki yang berlagak seperti perempuan, dan terdapat peruntukan lain yang boleh dituduh selain peruntukan asal (contohnya Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor yang perlu dicontohi oleh negeri lain di Malaysia) agar undang-undang tersebut tidak boleh dicabar oleh undang-undang lain demi memelihara akhlak umat Islam yang mulia.

Kata kunci: lelaki berlagak seperti perempuan, undang-undang jenayah syariah, hukuman

Abstract

This paper aims to discuss the definition of men posing as women from the Islamic perspective, the banning of such acts by the Quran

and hadith and the forms of punishment meted out under the Johore Syariah Criminal Offences Enactment provision. The methodology used in this research is the study of documents such as books, articles and court related cases. The findings indicate that there is a prohibition in legislation regarding men posing as women and there are other provisions with which a person may be charged in addition to the original provision (for example the Johore Syariah Criminal Enactment which should serve as a model for other states in Malaysia) so that the legal provisions cannot be challenged by other laws. With these improvements in legislation it is hoped that the noble Muslim's morality is preserved.

Keywords: men posing as woman, law, punishment

PENDAHULUAN

Golongan lelaki yang berlagak seperti perempuan atau dengan perkataan lain digelar sebagai “mak nyah”, bukan suatu perkara yang janggal dilihat di negara kita. Kemunculan golongan ini menarik perhatian disebabkan gaya dan lenggok mereka melebihi gaya perempuan yang sebenar. Golongan ini sering berada di pasar raya, di dalam kenderaan awam dan institusi pengajian tinggi.

Golongan ini sering berpakaian dan berhias seperti seorang perempuan dan adakalanya dilihat lebih cantik daripada seorang wanita tulen. Terdapat juga sebahagian daripada mereka berani menggayakan pakaian mencolok mata dengan mendedahkan sebahagian daripada tubuh badan bagi menarik perhatian lelaki. Meskipun mereka memiliki naluri yang lembut dan fizikal luarannya perempuan, namun hakikat kejadian lelaki yang telah dicipta dengan fitrah semula jadi yang tersendiri tetap tidak akan berubah.

Masyarakat sering melemparkan tohmahan dan memberikan pelbagai gelaran seperti pondan, bapuk, mak nyah, khunsa, lelaki lembut dan mengaitkannya dengan “transeksual” kepada golongan ini. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh persepsi masyarakat sekeliling yang menganggap isu ini remeh dan sensitif kerana melibatkan maruah sesebuah keluarga dan tidak wajar diperbesar (Asmugi, 2001).

Golongan ini melakukan kerja yang dianggap bersesuaian dan sehati dengan jiwa mereka seperti mak andam, pelayan, pereka dan penggubah barang hantaran, dan sebagainya. Terdapat segelintir daripada mereka mencari pendapatan dengan cara yang mudah dengan menyediakan perkhidmatan seks kepada lelaki. Di Johor Bahru, misalnya kawasan di sekitar Jalan Susur Larkin Perdana amat sinonim dengan golongan ini. Aktiviti mereka mula beroperasi pada waktu tengah malam sehingga waktu subuh dan mempunyai ramai pelanggan pada hujung minggu. Mereka kebiasaannya dapat dilihat di lorong yang gelap dan di kaki tangga bangunan, serta memakai pakaian yang seksi dan mengghairahkan untuk menarik perhatian pelanggan yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama (Asmugi, 2001). Oleh sebab itu, pencegahan perlu dibuat supaya gejala ini tidak terus berleluasa. Hukuman pemulihan wajar dilaksanakan pada peringkat mahkamah untuk memastikan keberkesannya kerana golongan ini perlu dibentuk dan dibimbing supaya menjadi lelaki yang sejati.

DEFINISI LELAKI BERLAGAK SEPERTI PEREMPUAN

Menurut seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997, lelaki berlagak seperti perempuan bermaksud “lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di tempat awam dengan tujuan melakukan perbuatan yang tidak bermoral”. Namun, menurut Islam, golongan ini dibahagikan kepada empat jenis berdasarkan jantintanya, iaitu:

Lelaki

Seorang lelaki yang jelas mempunyai satu alat sulit sahaja, mempunyai janggut dan jika berkahwin boleh menurunkan zuriat (Muhammad Rawas, 1985).

Perempuan

Seorang perempuan yang jelas mengalami haid, tumbuh payudara,

serta boleh mengandung dan melahirkan anak (Muhammad Rawas, 1985).

Khunsa

Seorang yang mengalami kecelaruan jantina kerana mempunyai dua alat sulit, iaitu satu berfungsi tetapi satu lagi tidak berfungsi, kerana menjadi alat tambahan sahaja dikenali sebagai khunsa *wadhah*, manakala seseorang yang mempunyai dua alat sulit tetapi kedua-duanya tidak berfungsi dinamakan sebagai khunsa *mushkil* (Asmungi, 2001).

Mukhannas

Seseorang lelaki yang berlagak seperti sifat seorang wanita dari segi tingkah laku dan kelembutannya digelar sebagai *mukhannas*.

KEDUDUKAN *MUKHANNAS* DALAM UNDANG-UNDANG ISLAM

Mukhannas dari segi bahasa didefinisikan sebagai mempunyai “dua sifat yang lembut” atau “seseorang yang mempunyai sifat keperempuanan yang banyak dan lemah lembut” dan juga bermaksud “orang yang menyerupai perempuan dari segi perwatakan yang lemah lembut”, manakala dari segi istilahnya sebagai “seorang lelaki yang mempunyai tingkah laku seperti perempuan sama ada dari segi perbuatan, keadaan, percakapan dan lain-lain (Ali Sarbini, 2002). Menurut al-Mausu‘ah al-Fiqhiyyah (1990) juga, *mukhannas* bermaksud seorang lelaki yang menyerupai seorang wanita dari segi kelembutan, percakapan, pandangan, pergerakan, dan sebagainya. Kamus *Mu‘jam Fuqaha’* pula menerangkan maksud *mukhannas* sebagai “lelaki yang menyerupai seorang perempuan dari segi cara berjalan dan bercakap, serta martabat dan kelembutannya”. (Muhammad Rawas, 1985).

Menurut mazhab Imam Abu Hanifah pula, *mukhannas* ialah seorang lelaki yang mengalami kematian dari segi tingkah laku seorang lelaki, maka dia bertingkah laku sebaliknya, bahkan

melampaui batas dan melebihkan dirinya kepada sifat perempuan sama ada pergerakan anggotanya lembut dan suaranya pecah daripada asal kejadiannya seorang lelaki, serta dianggap sebagai seorang yang fasik (al-Sarkhasi, 1987). Mazhab Imam Malik juga berpendapat bahawa seseorang itu keterlaluan disebabkan oleh dirinya dan memiliki banyak sifat keperempuanan sehingga menyerupai seorang perempuan dari segi kelembutan, percakapan, perwatakan, suara, akal fikiran dan perbuatan (al-Andalusi, 1967).

Mazhab Imam Ahmad pula menyatakan bahawa *mukhannas* ialah seorang yang tiada syahwat atau rosak syahwatnya kerana berkelakuan seperti wanita dan tidak bersifat sebagai seorang lelaki (Ibn Qudamah, 1997). Selain itu, menurut Abdul Aziz (1987) *mukhannas* ialah akhlak seorang lelaki yang menyerupai akhlak seorang wanita dari segi kelembutan dan perbuatannya. Mereka dibahagikan kepada dua golongan, iaitu:

1. Mereka yang cuma menerima sahaja keadaan tersebut sebagai suatu pemberian Allah SWT dan tidak membuat sebarang rangsangan untuk menyuburkan lagi keadaan tersebut. Mereka sedar bahawa keadaan tersebut bukannya suatu cemuhan atau celaan dan mereka tidak menanggung sebarang dosa kerana kesemuanya itu merupakan kehendak Allah SWT.
2. Mereka yang tidak hanya memadai dengan keadaan tersebut, malah bertindak merangsang lagi keadaan sehingga mengubah bentuk dan sifat kelelakian mereka dan menyuburkan sifat kewanitaan. Golongan ini telah dinyatakan dalam hadis Rasulullah SAW sebagai orang yang dijauhi rahmat Allah SWT. (Abd. Aziz Hj Hanafi, 1987)

Selain itu, *mukhannas* juga terbahagi kepada dua kumpulan jantina, iaitu *mukhannas* tabi'i dan *mukhannas* paksaan. *Mukhannas* tabi'i sudah pasti dilahirkan semula jadi dan mempunyai sifat keperempuanan, manakala *mukhannas* paksaan disebabkan oleh

salah didikan dan tafsiran masyarakat, serta kebiasaannya menjadi pelacur (Mariani, 2012).

Oleh itu, setelah meneliti pelbagai pandangan tentang definisi istilah *mukhannas*, maka dirumuskan bahawa golongan lelaki berlagak seperti perempuan terdiri daripada *mukhannas*, iaitu menyerupai sesuatu jantina yang berlawanan dengannya. *Mukhannas* merupakan seorang lelaki yang berkemahuan meniru perwatakan seorang perempuan. Meskipun demikian, pergerakan badan seorang lelaki yang bersifat perempuan secara semula jadi adalah tidak berdosa (al-Sharbini, 1997).

HUKUM LELAKI BERLAGAK SEPERTI PEREMPUAN MENURUT AL-QURAN DAN SUNAH

Golongan ini mempunyai naluri yang berlainan dengan jantina asalnya dan meniru gaya penampilan jantina lain. Oleh itu, hukum ini perlu diterangkan untuk mengetahui kedudukannya sama ada dibolehkan atau tidak. Berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Apa yang mereka sembah yang lain dari Allah itu, hanyalah berhala-berhala (makhluk-makhluk yang lemah), dan mereka (dengan yang demikian) tidak menyembah melainkan syaitan yang derhaka; yang telah dilaknat oleh Allah, dan yang telah mengatakan: “demi sesungguhnya, aku akan mengambil dalam kalangan hamba-hamba-Mu, bahagian yang tertentu (untuk menjadi pengikutku); “dan demi sesungguhnya, aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran), dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak), lalu mereka membelah telinga binatang-binatang itu; dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah”. Dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain Allah, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang nyata”.

(*Surah al-Nisa’* 4:117–19).

Berdasarkan tafsiran Ibn Kathir, ayat tersebut menjelaskan larangan mengubah sesuatu ciptaan Allah SWT. Contohnya perbuatan seorang

wanita melakukan pembedahan kecantikan untuk mengubah ciptaan Allah SWT hanya berdasarkan hawa nafsu semata-mata adalah haram (Ibn Kathir, 1999). Begitu juga dengan pembedahan menukar jantina, kecuali dengan syarat tertentu. Bagi golongan *mukhannas*, perbuatan lelaki menyerupai perempuan, dan sebaliknya adalah dilarang keras (Jamil al-Luwaihiq, t.th.). Golongan *mukhannas* ini memiliki zakar sahaja semenjak lahir tetapi sikapnya menjadi lembut lebih daripada seorang wanita disebabkan oleh dorongan naluri dan tekanan jiwa (Mariani, 2012). Hukum *tasyabbuh* ini haram, bahkan merupakan salah satu dosa besar kerana telah sabit dengan nas syarii bahawa Allah SWT melaknat orang yang melakukannya (JAKIM, 2013).

Tambahan pula, terdapat hadis Nabi Muhammad SAW yang menyokong pengharaman mengubah jantina melalui pembedahan. Menurut satu hadis Nabi Muhammad SAW dalam kitab *Sahih Bukhari* dalam bab *al-mutafallijat lilhusni*, juzuk ke-18, hadis no. 5476:301, yang diriwayatkan oleh Abdullah r.a. yang menjelaskan larangan Allah SWT terhadap perbuatan mengubah ciptaan-Nya, iaitu:

“Daripada Abdullah bin Mas‘ud r.a, katanya: Allah SWT melaknat orang-orang yang mencacah kulitnya dan yang meminta supaya dicacah kulitnya, juga orang yang meminta supaya rambut alisnya ditipiskan agar kelihatan indah seperti bulan sabit, demikian juga orang yang merenggangkan gigi-giginya untuk maksud kecantikan yang semuanya itu mengubah keaslian kejadian ciptaan Allah SWT.”

(al-Bukhari, 5476:301).

Begitu juga terdapat sebuah hadis Nabi Muhammad SAW dalam kitab *Sunan Ibn Majah* dalam bab “mukhannithin”, yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Telah berkata Ibn Abbas: Rasulullah SAW melaknat orang-orang lelaki yang menyerupai perempuan dan perempuan menyerupai lelaki.”

(Ibn Majah, 1894:18).

Berdasarkan hadis tersebut istilah “laknat” bermaksud celaan bagi kedua-dua golongan tersebut. Maknanya, lelaki tidak boleh menyerupai perempuan dan memakai perhiasan yang khusus untuk perempuan, dan sebaliknya. Selain itu, Ibn Hajar dalam kitab *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari* menjelaskan “penyerupaan” tersebut pada tingkah laku seperti bercakap dan berjalan. Oleh itu, golongan ini akan mendapat celaan sekiranya menyerupai jantina yang bertentangan dengannya secara sengaja. Maka, mereka diarahkan meninggalkan perbuatan tersebut secara perlahan-lahan. Jika tiada sebarang usaha untuk meninggalkan perbuatan tersebut, mereka akan mendapat makian dan celaan di akhirat kelak.

Walau bagaimanapun, terdapat ulama membenarkan perbuatan ini seperti Imam Nawawi, dengan syarat mereka sukar untuk meninggalkan penyerupaan ini setelah berusaha mengubati dirinya dengan pelbagai cara (Ibn Hajar Asqalani, 1986). Berdasarkan pandangan ini, para fuqaha telah membahagikan hukum yang berkaitan dengan *mukhannas* kepada dua perkara seperti yang berikut:

Individu yang dijadikan sedemikian dan tidak ada niat menyerupai akhlak perempuan dari segi penampilan, percakapan dan perbuatan, serta sifat tersebut terbentuk secara semula jadi dijadikan oleh Allah SWT. Maka tiada celaan, makian, tidak berdosa dan tidak dikenakan hukuman kerana keuzuran yang dialaminya dan tidak mempunyai kehendak untuk menjadi sedemikian.

Individu ini tidak menjadi seperti sedemikian pada awal kelahirannya tetapi sengaja menyerupai perempuan dalam percakapan dan perbuatan atas pilihan sendiri. Mereka ini akan mendapat celaan yang telah disebut dalam hadis sahih dengan melaknatnya kerana melakukan perbuatan tersebut (al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah, 1990).

Imam Nawawi turut menyatakan perbuatannya bahawa perbuatan ini haram sama ada lelaki menyerupai wanita atau wanita menyerupai lelaki dari segi pakaian, pergerakan, dan sebagainya berdasarkan hadis Nabi Muhammad SAW dalam kitab *Kitab Sunan al-Tarmidhiyy* dalam bab *ma ja'ah fi mutashabihat bil rijal*, juzuk 9, hadis no. 2709 yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas, iaitu:

“Daripada Ibn Abbas r.a. telah berkata: Rasulullah SAW melaknat mukhannithin orang lelaki yang berkelakuan seperti orang perempuan dan orang perempuan yang berkelakuan seperti lelaki (dikhususkan pada kesukaan dan kegemaran seperti kelakuan dan bentuk penampilan tidak termasuk pekerjaan pada adat).”

(al-Tarmidhiyy, 2709:467)

BIDANG KUASA JENAYAH MAHKAMAH SYARIAH

Bidang kuasa yang telah dimiliki oleh mahkamah syariah dalam konteks memutuskan sesuatu keputusan berkaitan dengan kesalahan jenayah syariah pada hari ini tertakluk pada Akta Mahkamah Syariah (1965) Pindaan 1984. Berdasarkan seksyen 2 akta ini, bidang kuasa mahkamah syariah dari sudut skop kesalahan dan bentuk hukuman adalah seperti yang berikut:

Seksyen 2 Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah

Mahkamah syariah yang ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah mana-mana undang-undang dalam sesuatu negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu per satu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberikan bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan terhadap rukun agama Islam oleh orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis:

Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman tersebut.

Berdasarkan peruntukan tersebut, maka jelaslah bahawa mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan yang berkaitan dengan agama Islam. Setiap hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah, mestilah dendanya tidak melebihi

RM5000.00, penjara tidak melebihi tiga tahun dan sebatan tidak melebihi enam sebatan.

UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL SELIA JENAYAH LELAKI BERLAGAK SEPERTI PEREMPUAN DI JOHOR

Hukuman yang dikenakan bagi kesalahan jenayah lelaki berlagak seperti perempuan merupakan hukuman takzir. Para fuqaha telah mentakrifkan takzir sebagai suatu pembalasan yang tidak ditetapkan kadarnya, diwajibkan sama ada sebagai hak Allah atau hak manusia dalam setiap maksiat yang tiada pembalasan had dan kafarah, mempunyai tujuan yang sama seperti pembalasan had (hudud), iaitu memberikan pengajaran (*ta'dib*), mengadakan pemulihan (islah) dan mewujudkan ingatan yang menakutkan (*zajr*). Maksiat yang dimaksudkan oleh para fuqaha ialah tindakan melanggar apa-apa sahaja larangan syarak atau meninggalkan perintah yang telah diwajibkan oleh Allah SWT untuk dilakukan (Mat Saad, 2008: 188–89). Ulama fiqah turut menyatakan bahawa takzir merupakan hukuman yang tidak ditentukan dan berbeza daripada hudud dan qisas. Oleh sebab takzir mempunyai skop yang luas, maka terdapat peluang yang banyak dan luas kepada kadi, hakim dan pemerintah sesebuah negara Islam untuk menjatuhkan hukuman takzir mengikut apa-apa yang dirasakan setimpal (Hashim, 1991).

Di negeri Johor, mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa untuk menentukan hukuman yang akan dikenakan kepada pesalah lelaki yang berlagak seperti perempuan, yang dinyatakan dalam Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan:

“... pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan ...”

Walau bagaimanapun, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) (Akta 355) mengehadkan kuasa kerajaan negeri untuk meluluskan undang-undang berkaitan jenayah

syariah, maka mahkamah syariah hanya dibenarkan menghukum dengan hukuman yang disebutkan (Mat Saad, 2008). Peruntukan seksyen bagi kesalahan jenayah lelaki berlagak seperti perempuan walaupun berbeza di setiap negeri, namun kebanyakan negeri menggunakan istilah dan maksud yang sama. Selain itu, hukuman yang dikenakan kepada pesalah juga sama, iaitu hukuman penjara atau hukuman denda atau kedua-duanya. Makalah ini akan mengambil contoh peruntukan undang-undang tentang kesalahan jenayah lelaki berlagak seperti perempuan di Johor seperti yang berikut:

Seksyen 28 Orang lelaki berlagak seperti perempuan

Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi 1000 ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997 secara ringkasnya telah menyatakan lima ciri yang boleh mensabitkan bahawa seseorang telah melakukan jenayah lelaki berlagak seperti perempuan sekiranya berjaya dibuktikan. Situasi tersebut ialah:

Seseorang lelaki yang didapati memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di tempat awam bagi tujuan yang tidak bermoral seperti menjual diri kepada pelanggan adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Selain hukuman tersebut, terdapat satu peruntukan undang-undang yang bersesuaian untuk mengawal selia jenayah tersebut sekiranya ciri dalam seksyen 28 tidak mencukupi untuk didakwa, iaitu perkara tidak sopan di tempat awam seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997. Peruntukan tersebut telah menyebut:

Mana-mana orang yang bertindak atau berkelakuan tidak sopan bertentangan dengan hukum syarak di mana-mana tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM1000.00 ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Peruntukan ini meskipun bersifat umum boleh menghukum sesiapa sahaja yang melakukan perbuatan tidak sopan di tempat awam kerana dalam peruntukan tersebut ada disebut perkataan, “bertindak atau berkelakuan tidak sopan”, bermaksud perkataan tersebut seperti yang diterangkan dalam Arahan Amalan No. 8 Tahun 2005 seperti yang berikut:

- (i) bercumbu-cumbuan;
- (ii) berpeluk-pelukan;
- (iii) pertuturan atau isyarat lucah atau berpakaian yang mengghairahkan;
- (iv) atau lain-lain perbuatan yang tidak sopan yang bertentangan dengan hukum syarak.

Berdasarkan arahan amalan tersebut, maka jelaslah bahawa kesalahan yang berhubung dengan perbuatan tidak sopan di tempat awam mempunyai beberapa penjelasan terperinci untuk menuduh seseorang ke meja pengadilan bagi mencegah seseorang melakukan kesalahan jenayah syariah. Berdasarkan seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997 dan Arahan Amalan No. 8 Tahun 2005 secara ringkasnya telah menyatakan beberapa elemen yang boleh mensabitkan bahawa seseorang telah melakukan perbuatan tidak sopan di tempat awam sekiranya berjaya dibuktikan. Antara situasi tersebut termasuklah:

Mana-mana orang lelaki atau perempuan yang didapati bertindak berkelakuan tidak sopan (bercumbu-cumbuan, berpeluk-pelukan, pertuturan atau isyarat lucah atau berpakaian yang mengghairahkan dan lain-lain perbuatan yang tidak sopan yang bertentangan dengan hukum syarak) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan dikenakan hukuman denda

tidak melebihi RM1000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kesimpulan yang dapat dirumuskan daripada peruntukan seksyen 28 dan 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997, pendakwa syarii boleh menuduh pesalah tersebut berdasarkan seksyen 28 dan sekiranya terdapat elemen yang tidak kuat seperti tiada elemen untuk tujuan tidak bermoral, pendakwa syarii boleh menuduh pesalah tersebut berdasarkan seksyen 29. Kedua-dua hukuman boleh dijatuhkan terhadap tertuduh dengan salah satu daripada tiga bentuk hukuman yang diperuntukkan, iaitu sama ada menjatuhkan hukuman denda tidak lebih RM1000.00 atau penjara tidak lebih dari satu tahun atau kedua-duanya sekali. Persoalan yang timbul ialah adakah mahkamah mempunyai kuasa budi bicara yang luas untuk membuat keputusan bagi menjatuhkan hukuman?

Namun, jika dilihat pada praktis mahkamah syariah pada masa ini, khususnya di negeri Johor, kebanyakan pesalah jenayah lelaki berlagak seperti perempuan akan dikenakan denda dan sekiranya mereka gagal membayar denda, hukuman penjara akan dikenakan terhadap mereka. Terdapat dua contoh kes yang boleh dijadikan sebagai contoh untuk dirujuk. Dalam kes *Pendakwa Syarie lwn Yusuf bin Atan*, No. Kes (01003-159-0012-2011). Orang Kena Tuduh (OKT) telah ditangkap oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama Daerah Muar pada 7 Januari 2011 pada pukul 12.35 tengah malam di tepi Jalan Sayang, Daerah Muar, Johor. OKT telah ditangkap oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama kerana telah memakai pakaian wanita berupa pakaian dalam berwarna hitam, berskirt pendek warna ungu, memakai kasut wanita, dan berdiri di tepi jalan. OKT tersebut telah disyaki sedang menunggu kehadiran pelanggan untuk melakukan perbuatan tidak bermoral. Pegawai Penguat Kuasa Agama mengarahkan OKT mengeluarkan kad pengenalan diri dan mendapati OKT merupakan seorang lelaki berbangsa Melayu dan beragama Islam. Pemeriksaan secara ringkas mendapati OKT mempunyai dua buah beg dan masing-masing berwarna hitam dan hijau. Hasil pemeriksaan telah menjumpai minyak wangi, kondom,

celak, celak bibir, bedak padat dan maskara. OKT telah dituduh di bawah seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997 dan telah didakwa di mahkamah pada 13 Januari 2011. Hakim telah menjatuhkan hukuman denda RM1000.00 atau empat bulan penjara kepada OKT.

Pendakwa Syarie lwn Mohd. Zain bin Md. Sani, No. Kes (01003-159-0127-2012). Orang Kena Tuduh (OKT) telah ditangkap oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama Daerah Muar pada 21 Mei 2012 pada jam lebih kurang 2.10 pagi di tepi Jalan Sayang, Daerah Muar, Johor. OKT telah ditangkap oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama kerana telah memakai pakaian wanita seperti rambut palsu, singlet hijau, baju dalam, berseluar pendek ketat paras lutut dan membawa beg tangan. OKT tersebut telah disyaki sedang menunggu kehadiran pelanggan untuk melakukan perbuatan tidak bermoral. Pegawai Penguat Kuasa Agama mengarahkan OKT mengeluarkan kad pengenalan diri dan mendapati OKT merupakan seorang lelaki berbangsa Melayu dan beragama Islam. Pemeriksaan secara ringkas mendapati OKT mempunyai sebuah beg tangan berwarna hitam. Hasil pemeriksaan telah menjumpai maskara jenis MAC, bedak padat, minyak wangi, celak dan gincu. OKT telah dituduh di bawah seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997 dan telah didakwa di mahkamah pada 21 Mei 2012. Hakim telah menjatuhkan hukuman denda RM1000.00 atau 1 bulan penjara dan mahkamah mengarahkan OKT hadir ke pejabat kadi pada setiap hari Khamis sebagai pengawasan dan khidmat nasihat kepada OKT berdasarkan seksyen 130 (a) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Johor 2003.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PERUNTUKAN PERUNDANGAN SEDIA ADA

Peruntukan undang-undang jenayah syariah yang sedia ada mampu dicabar oleh pihak tertuduh di Mahkamah Rayuan Putrajaya. Hal ini terjadi kepada seksyen 66 Syariah (Negeri Sembilan) 1992 yang memperuntukkan hukuman terhadap lelaki Islam yang berpakaian seperti wanita bercanggah dengan perlembagaan. Hakim Datuk

Mohd. Hishamudin Mohd. Yunus menyampaikan keputusan yang mengisytiharkan seksyen 66 sebagai terbatal.

Keputusan berkenaan secara tidak langsung mengiktiraf hak golongan peralihan gender (*transgender*) yang mengalami disforia gender, serta berpakaian dan berkelakuan seperti wanita. Keputusan tersebut disambut dengan gembira oleh para penyokong dan kumpulan yang hadir di mahkamah. Kes berkenaan difailkan oleh Muhamad Juzaili Mohamad Khamis, 26 tahun, Syukor Jani, 28 tahun, dan Wan Fairol Wan Ismail, 30 tahun, pada 2 Februari 2012 untuk mencabar kesalahan peruntukan tersebut. Mengikut seksyen 66, mereka boleh dihukum penjara maksimum enam bulan penjara dan didenda RM1000 oleh Mahkamah Syariah Seremban. Mereka menamakan Kerajaan Negeri Sembilan, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri, Ketua Penolong Pengarah Penguat Kuasa dan Ketua Pendakwa Syarii sebagai responden. Mereka turut memohon perintah mahkamah untuk menghalang penahanan dan pendakwaan terhadap mereka (www.malaysiakini.com).

Dalam kes tersebut jelas bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam peruntukan kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan yang perlu dibaiki atau melakukan penambahbaikan peruntukan yang sesuai atau dominan supaya tidak dicabar. Selain itu, pihak yang bertanggungjawab perlu duduk semeja untuk mencari alternatif lain untuk menyelesaikan masalah tersebut supaya perkara seperti ini tidak berulang lagi pada masa akan datang.

Oleh itu, dicadangkan supaya pihak penguat kuasa dan pendakwa, menggantikan seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997 (perbuatan tidak sopan di tempat awam) boleh diguna pakai untuk menggantikan seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997 untuk menuduh pesalah bagi kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan di mahkamah syariah.

KESIMPULAN

Terdapat peruntukan undang-undang yang boleh mendakwa hukuman penjara dan denda bagi kesalahan jenayah lelaki berlagak seperti perempuan. Selain itu, terdapat juga beberapa peruntukan

undang-undang yang boleh dianggap sebagai peruntukan ganti, iaitu seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997 menggantikan peruntukan asalnya, iaitu seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997 sekiranya peruntukan tersebut dicabar dan tidak cukup pembuktian untuk menangani dan mencegah jenayah lelaki berlagak seperti perempuan daripada berlaku. Oleh itu, dicadangkan agar penambahbaikan perlu dibuat terhadap peruntukan tersebut dari segi ciri kandungannya agar peruntukan tersebut tidak dicabar di mana-mana mahkamah oleh mana-mana pihak. Peruntukan tersebut ternyata boleh menguatkan lagi proses pendakwaan di mahkamah syariah dan hukuman yang akan dijatuhkan boleh menakutkan pesalah daripada melakukan kesalahan. Perlu ditegaskan bahawa tujuan hukuman takzir bagi jenayah lelaki berlagak seperti perempuan mesti bertujuan untuk mencegah dan, membuatkan pesalah insaf dan tidak mengulangi jenayah yang sama.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Haji Hanafi, 1987. "Ke Arah Menentukan Identiti dan Status Mak Nyah dalam Masyarakat: Kedudukan Mak Nyah dalam Islam" Kertas kerja dalam Seminar Mak Nyah. Anjuran Universiti Malaya. Kuala Lumpur, 24-25 Oktober 1987.
- Abdullah Basmeih, 1998. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah, 1990. *Wizarah al-'Auqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah*. Kuwait.
- Al-Andalusi. 1967. *Al-Tamhid li ma fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-'Asanid*. t. tp.: t. pt.
- Al-Bukhariyy, Abu Abdullah Muhammad ibn Isma'il, 1989. *Sahih al-Bukhariyy*. Damshik: Dar Ibn Kathir.
- Al-Sarkhasi, 1987. *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Sharbini, 1997. *Mughni al-Mukhtaj ila Ma'rifah Ma'ani al-Faz al-Manhaj*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Tarmidhiyy, Abu 'Isa Muhammad ibn 'Isa ibn sawrah, t. th. *Sunan al-Tarmidhiyy*. Kaherah: Matba'at al-Madaniyy.

- Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 8 Tahun 2005.
- Asmugi Mohd. Sidek, 2001. "Kecelaruan Gender dari Perspektif Islam".
Kertas kerja dalam Konvensyen PERKAMA ke-10: Kaunseling
Kecelaruan Gender. Anjuran Persatuan Kaunseling Malaysia. Kuala
Lumpur, 12-13 Mei 2001.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997 (Enakmen No.
4 Tahun 1997).
- Hashim Mehat, 1991. *Malaysian Law and Islamic Law on Sentencing*.
Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Ibn Hajar Asqalani, 1986. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Kaherah:
Dar al-Riyan.
- Ibn Majah, Abu °Abd Allah Mahmud ibn Yazid al-Qazwayni, 1998. *Sunan
ibn Majah*. Cairo: Dar al-Hadis.
- Ibn Qudamah, 1997. *Al-Mughni*. Riyadh: Dar °Alim al-Kutub.
- Ibn Kathir, 1999. *Al-Qur'an al-Azhim*. Riyadh: Dar al-Nasyar.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013. *Manual Islam dan Mak Nyah*.
Selangor: Percetakan Tinta Sdn. Bhd.
- Mariani Ali, 2012. "Transeksual menurut Perspektif Syarak dan
Perundangan di Malaysia". Tesis Sarjana Muda. Jabatan Syariah dan
Undang-undang, Universiti Malaya.
- Mat Saad Abd. Rahman, 2008. *Isu-isu dalam Masyarakat Islam Malaysia*.
Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd.
- Mohd. Ali Sarbini, 2002. "Fenomena Transeksual dari Pandangan Islam".
Kertas kerja dalam Seminar Transeksualiti di Institusi Pengajian
Tinggi. Anjuran Unit Perumahan dan Perkhidmatan Pelajar, Jabatan
Hal Ehwal Pelajar, Universiti Kebangsaan Malaysia. Melaka, 23-25
Julai 2002.
- Muhammad Rawas, 1985. *Mu°jam Lughah al-Fuqaha'*. Beirut: Dar al-
Nafa.
- Perlembagaan Persekutuan.
- Pendakwa Syarie lwn Yusuf bin Atan* (13 Januari 2011) Kes Jenayah
01003-159-0012-2011.
- Pendakwa Syarie lwn Mohd. Zain bin Md. Sani* (21 Mei 2012) Kes Jenayah
01003-159-0127-2012.
- www.malaysiakini.com (Capaian pada 1 Mei 2016).

Diperoleh (*Received*): 30 Oktober 2015

Diterima (*Accepted*): 11 Mei 2016